

# 25 mahasiswa sertai Kem Kepimpinan Muda

UB 4-12-2014 A7

**KOTA KINABALU:** Seramai 25 mahasiswa menyertai Kem Pemantapan Kepimpinan Muda Peringkat Negeri Sabah Siri 1 yang berakhir kelmarin di Kompleks Belia dan Sukan (Persekutuan) Sabah.

Menurut pengarah program Datu Rosman Datu Ahir Zaman, kem itu diadakan bagi meningkatkan modal insan yang

cemerlang dan serius dalam memahami, menghayati serta mempraktikkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian.

“Selain penyertaan daripada pelajar Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS), program ini turut disertai mahasiswa Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Kolej

Cosmopoint,” katanya ketika ditemui selepas majlis perasmian.

Beliau yang juga presiden FPP berkata, penganjuran selama empat hari itu turut diisi dengan pelbagai acara menarik.

“Antaranya ialah slot ceramah bertajuk Rekeyasa Realiti Semasa, Bicara Bina Tamadun dan Bicara Tasawur Islam selain slot

latihan praktikal dan teori,” katanya yang berasal dari Lahad Datu.

Bengkel yang diadakan buat julung kalinya itu merupakan anjuran bersama Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim), Jabatan Belia dan Sukan serta Persatuan Mahasiswa FPP UMS.

Majlis perasmianya disempurnakan Pengarah Yadim Haji Saimin Ongki.



**PARA peserta bergambar kenangan bersama Saimin (duduk tengah).**